

13 MAY 1996

FMM CADANGKAN MEKANISME PENYERTAAN TEMPATAN DALAM PROJEK

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Pelaksanaan dan pengawasan yang lebih berkesan dalam projek yang diswastakan telah dicadangkan untuk memastikan penyertaan syarikat tempatan.

Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM), telah membuat cadangan itu pada dialog dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri 1996, di sini hari ini, ia menyatakan sektor swasta tempatan harus terlibat dalam sesuatu projek mulai dari konsep lagi.

Ia menambah: "Pengalaman lalu telah menunjukkan para pekilang Malaysia tidak dapat untuk menyertai projek seumpama itu kerana pengeluar tempatan tidak memenuhi spesifikasi yang diperlukan.

"Selalunya, reka bentuk dan spesifikasi diketahui oleh jururunding asing dan oleh itu, memerlukan input daripada mereka.

"Adalah penting penyertaan syarikat tempatan dibawa masuk di peringkat awal untuk bekerja sama dengan jururunding asing."

FMM menyatakan yang perlu adalah pengawasan ketat bagi spesifikasi dan reka bentuk dalam sesuatu projek.

Kerajaan telah mengesahkan bahawa import barangan modal dan bahan lain terutamanya bagi perprojek-projek besar telah menyumbang kepada defisit dagangan yang meluas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menasihatkan para pembuat untuk mengembangkan kebolehan dan tidak hanya berkembang mengikut permintaan, yang mana kadangkala menghalang mereka untuk memenuhi permintaan yang bertambah secara mendadak.

Ia juga meminta kerajaan untuk menyediakan dana untuk persatuan perusahaan seperti FMM, untuk membangunkan "website" dalam Internet untuk membantu mempromosi barangan tempatan kepada pembeli dan ahli perniagaan asing.

Dalam usaha untuk membantu pengembangan perkhidmatan sokongan, FMM menyatakan kerajaan harus berunding mengenai bayaran dua hala dan cukai berganda, dan harus juga berunding untuk perkhidmatan utama yang diberikan oleh bank, insurans, firma perakaunan tempatan untuk menubuhkan cawangan di seberang laut.

Ia menyatakan telah tiba masanya bagi kerajaan untuk mengkaji semula dasar dan prosedur, dan melaksanakan kegiatan pengurusan kualiti di semua peringkat termasuk kerajaan dan pihak-pihak berkuasa tempatan. -- BERNAMA

MR RIF SIA